

# Anwar optimis PH bincang tarikh peralihan kuasa

BH - 6/1/2020 m/s: 3

**Seri Kembangan:** Datuk Seri Anwar Ibrahim optimis Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) akan membincangkan soal tarikh khusus pelan peralihan kuasa.

Walaupun mengakui proses peralihan kuasa sudah diputuskan Majlis Presiden PH sebelum ini, Presiden PKR itu menjelaskan, penetapan tarikh khusus masih perlu dibincangkan berikutan wujud kebimbangan ada percubaan luar untuk menggugat keputusan awal itu.

"Ada pandangan sebegitu, tetapi seperti dipersetujui ia harus dibincang di antara saya dengan Perdana Menteri dan sebaiknya dalam forum Majlis Presiden untuk tentukan tarikh kepastian.

"Ia wajar dibincang dalam suasana cukup baik. Tidak perlu dihangatkan isu ini," katanya pada sidang media selepas Majlis Penganugerahan Murid Cemerlang UPSR 2016-2019 Sekolah Tamil Selangor anjuran Yayasan OMS di sini, semalam.

Beliau mengulas proses peralihan kuasa termasuk desakan Angkatan Muda Keadilan (AMK) supaya Sekretariat PH menetapkan tarikh yang khusus dalam pelan itu.

Dr Mahathir sebelum ini me-

ngumumkan peralihan kuasa kepada penggantinya akan dilaksanakan selepas berakhir Sidang Kemuncak Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2020, akhir tahun ini.

Mengulas kontroversi berhubung pengajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular, Anwar menyeru semua pihak supaya berhenti daripada menghangatkan lagi isu berkenaan.

"Saya beri nasihat, supaya dileraikan (kontroversi) dengan mengadakan dialog, jangan tunjukkan dengan kekuatan kerana akan ada tindak balas.

"Jika ini berlaku, negara akan rugi sebab negara patut bicara soal mutu pendidikan," katanya.

Sementara itu, Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson membantah tindakan ketenteraan dan campur tangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iran.

"Saya tidak bersetuju tindakan mana-mana negara untuk menyerang atau menceroboh negara lain, itu prinsipnya. AS tidak boleh bertindak.

"Kalau ada keputusan mesti multilateral, bersama dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kalau tidak, kuasa besar boleh ceroboh mana saja, saya tidak setuju," katanya.